



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN
RESEARCH & EVALUATION MANAGER
SEAMEO STEM-ED BANGKOK, THAILAND**

1. Syarat Permohonan:

- i. Pegawai dari skim perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred 12 dan ke atas. Keutamaan adalah bagi pegawai yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan (KPM);
- ii. Kelulusan akademik minimum di peringkat Sarjana di dalam bidang *Education, Educational Research, Monitoring & Evaluation, Public Policy, Social Sciences*, STEM dan bidang yang berkaitan;
- iii. Mempunyai pengalaman dalam pengurusan program dan projek di organisasi antarabangsa atau di agensi/institusi berorientasikan pembangunan;
- iv. Memenuhi syarat kelayakan profesional dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh SEAMEO STEM-ED;
- v. Boleh bekerja di dalam persekitaran berbilang budaya serta boleh berinteraksi secara efektif dengan pelbagai pihak berkepentingan (stakeholders) sama ada di dalam dan di luar organisasi;
- vi. Fasih bertutur dan menulis di dalam Bahasa Inggeris;
- vii. Berumur tidak melebihi 50 tahun pada tarikh permohonan;
- viii. Purata markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) untuk tiga (3) tahun terakhir adalah 85% ke atas dan diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- ix. Tidak mempunyai sebarang ikatan pinjaman pendidikan; dan
- x. Bebas daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan tuduhan mahkamah.

2. Prosedur permohonan

- i. Permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan KPM dan SEAMEO yang disertakan. Borang permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat tidak akan diproses.
- ii. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan
 - a. Surat iringan;
 - b. Resume/*curriculum vitae* terkini; dan
 - c. Salinan sijil / dokumen sokongan yang telah disahkan;
- iii. Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan melalui Ketua Jabatan kepada:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 7, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiraan Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
(u.p: Sektor Pelbagai Hala/Serantau)
- iv. Tarikh akhir permohonan adalah selewat-lewatnya pada **9 Oktober 2026 (JUMAAT)**.

3. Sesi Temuduga

- i. Calon yang berkecualan akan dipanggil untuk sesi temuduga melalui panggilan surat atau e-mel;
- ii. Calon yang tidak menerima sebarang panggilan surat atau e-mel temuduga dalam masa 30 hari selepas tarikh tutup iklan dianggap tidak berjaya;
- iii. Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah di bawah tanggungan calon.

4. Keputusan Panel Pemilihan

Keputusan Panel Pemilihan adalah muktamad. Tiada rayuan akan diterima.

**BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**